

SUBUH	5.36
SYURUK	6.56
ZOHOR	12.59
ASAR	4.21
MAGHRIB	6.58
ISYAK	8.11




Aidil Fitri juara
Governor's Trophy

20

**Memperkasa industri kreatif
berasaskan teknologi hijau**

Melaka perlu pakar, idea luar biasa



IDRIS melihat pameran Industri kreatif berasaskan hijau pada Majlis Perasman dan Makan Malam Simposium Teknologi Reka Bentuk Inovatif Kebangsaan di Hotel Equatorial, semalam.

KETUA Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, Melaka memerlukan kepakaran dan idea yang menjangkau pemikiran biasa untuk memperkasakan usaha merealisasikan hasrat menjadi negeri teknologi hijau dan maju serta berpendapatan tinggi menjelang 2020.

3



Idris, Hishammuddin
lawat Myanmar, China

2

Pasukan Melaka berentap di BOT 2014

19



69 pelajar terima bantuan

4

Memperkasa industri kreatif berasaskan teknologi hijau

Melaka perlu pakar dan idea luar biasa

Oleh SHAZZUAN SHAH
MOHD. SALEH

BANDAR RAYA MELAKA 18 Nov. - Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, Melaka memerlukan kepakaran dan idea yang menjangkau pemikiran biasa untuk memperkasakan usaha merealisasikan hasrat menjadi negeri teknologi hijau dan maju serta berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan industri kreatif berkembang di negeri ini bagi membantu mencapai hasrat berkenaan.

Idris memberitahu, penghasilan produk berasaskan hijau mampu memberi impak besar kepada negeri, negara dan juga generasi akan datang.

Menurutnya, disebabkan itu, beberapa insentif sudah disediakan di negeri ini termasuklah membenarkan pengguna basikal dan kenderaan tanpa petrol memasuki kawasan warisan.

"Bagi mencapai hasrat itu, Melaka memerlukan kepakaran dan idea yang menjangkau pemikiran biasa untuk memperkasakan ke arah itu," katanya.

Idris berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian dan Makan Malam Simposium Teknologi Reka Bentuk Inovatif Kebangsaan di Hotel Equatorial, Banda Hilir di sini, semalam.

Simposium Teknologi Reka Bentuk Inovatif Kebangsaan 2014 bertemakan 'Transformasi Reka Bentuk' itu diadakan buat kali kedua membolehkan penyertaan kira-kira 25 jabatan dan agensi kerajaan termasuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA), syarikat korporat dan swasta.

Idris memberitahu, simposium ini dapat memberikan suntikan idea untuk pihak industri, pereka, usahawan dan pendidik mengembangkan industri kreatif yang berpotensi untuk kebaikan negeri, negara dan masyarakat amnya.

"Kita yakin gabungan kepakaran saintis Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam penyelidikan hutan tropika dengan pelbagai agensi kerajaan termasuk IPTA dapat menyemarakkan budaya kreatif dalam kerja-kerja reka bentuk yang terkini dan inovatif.

"Semoga dengan adanya simposium ini ia akan dapat melahirkan lebih ramai golongan yang kreatif untuk menghasilkan produk baharu dengan gaya yang lebih kontemporari tanpa mengetepikan ciri-ciri warisan," katanya.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Naim Abu Bakar; Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md.



IDRIS, Abd. Latif, Naim (empat, kiri) bersama Exco kerajaan negeri dan kenamaan lain.

Yunos Husin merangkap Pengerusi Bersama Simposium.

Hadir sama Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Ar. Ismail Othman; Exco Komunikasi dan Kooperasi, Datuk Wira Latiff Tamby Chik; Exco Pengangkutan dan Pemulihan Projek, Datuk Lim Ban Hong dan Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan, Datuk Latifah Omar serta Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmood merangkap Pengerusi Simposium Teknologi Reka Bentuk Inovatif Kebangsaan 2014.



IDRIS memalu gong sebagai glimk Majlis Perasmian dan Makan Malam Simposium Teknologi Reka Bentuk Inovatif Kebangsaan di Hotel Equatorial, semalam.



IDRIS melihat pameran industri kreatif berasaskan hijau.



TIMBALAN Pengerusi Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka Sdn. Bhd., Prof. Datuk Dr. Ismail Sagap (kiri) pada majlis penerimaan anugerah khas Fellowship of the Royal of Surgeons Edinburgh, kelmarin. Anugerah tersebut sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan Ismail yang juga bekas pelajar Sekolah Sains Muzaffar Syah (MOZAC) di dalam bidang pengajaran dan perkhidmatan ilmu bedah.